

MEMAKNAI INTI PATI AL-FALAH DALAM AKAL BUDI TOKOH PROFESIONAL DAN KORPORAT MELAYU DI MALAYSIA

Interpreting The Essence of Al-Falah In The Mind of Malay Professional And Corporate Figures In Malaysia

*Mashitah Sulaiman,^a Mohd Nazir Ahmad,^b Suhailiza Md Hamdani,^c
Marina Munira Abd Mutalib,^d
^aUniversiti Sains Islam Malaysia
mashitah@usim.edu.my

Abstrak

Golongan profesional dan korporat merupakan golongan yang menjadi penggerak pembangunan negara. Imej golongan ini digambarkan sebagai kelompok individu yang bermotivasi tinggi, mempunyai pemikiran yang kritis, kreatif dan berinovatif dalam mengemudi kejayaan dalam profesion yang diceburi. Kertas kerja ini mengupas pemikiran *al-falah* berteraskan Islam dalam kalangan golongan profesional dan korporat Melayu di Malaysia. Kajian ini turut menganalisis bagaimana manifestasi pemikiran *al-falah* djelmakan dalam bentuk tindakan yang menyumbang kepada kejayaan dalam hidup. Pendekatan kualitatif secara exploratori digunakan bagi kajian sosio-agama pelbagai disiplin ini. Dokumentasi pengalaman hidup 14 informan dari kategori profesional dan korporat dilakukan melalui kaedah sejarah lisan. Persampelan bertujuan secara berkriteria digunakan dalam kajian ini. Temuramah semi-struktur secara mendalam dirakamkan, ditranskripsi dan dianalisis secara analisis deskriptif dan tematik. Hasil penggalian analisis data daripada transkripsi temuramah bersama informan, sebanyak 11 tema terbitan dihasilkan dalam memaknai inti pati *al-falah* dalam kalangan tokoh profesional dan korporat Melayu di Malaysia. Kajian ini mengutarakan Model Pemikiran *al-Falah* golongan profesional dan korporat Melayu Malaysia yang menggambarkan impak difusi pemikiran Islam yang menjadi teras dan pasak kepada akal budi masyarakat Melayu kontemporari. Model Kecemerlangan *al-Falah* atau “*the Excellent Model of al-Falah*” dalam pemikiran golongan ini boleh memberi inspirasi dan motivasi tinggi dalam pembangunan mapan dan kesejahteraan manusia berasaskan pendekatan kecemerlangan keagamaan dan kerohanian Islam dalam pelbagai peringkat dan struktur masyarakat Islam.

Kata kunci: Pemikiran, model, *al-falah*, akal budi, profesional, korporat Melayu.

PENDAHULUAN

Rahsia kejayaan golongan profesional dan korporat Melayu Muslim seringkali menjadi inspirasi kepada kejayaan sesebuah bangsa, khususnya kelompok Bumiputera dalam kategori berpendapatan sederhana (M40) dan rendah (B40). Golongan yang lahir hasil daripada dasar afirmatif kerajaan dalam melahirkan kelas menengah ‘baru’ Malaysia melalui Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) telah menasaskan kecemerlangan yang menyumbang kepada pembangunan negara dari segi penglibatan Bumiputera dalam bidang profesional selain ekonomi, yang akhirnya menjadi kayu pengukur kepada kejayaan masyarakat Melayu dan Bumiputera keseluruhannya (Mohd Azraai, 2019; Abdul Rahman Embong, 2002).¹

Golongan profesional dan pengurus atau usahawan merupakan satu kelompok baru dalam struktur masyarakat Malaysia pasca-DEB (Abdul Rahman Embong, 1998, 2002). Terdapat perbezaan perspektif kajian antara sarjana pengurusan dan sosiologi berhubung dimensi kajian terhadap golongan ini (Nor Hayati Saat, 2004: 135). Menurut Abdul Rahman Embong (1996), sarjana pengurusan mengkaji golongan profesional dan pengurus dari segi sistem dan gaya pengurusan yang mereka laksanakan dalam organisasi. Manakala sarjana

¹ Mohd Azraai Kassim. (11 Disember 2019). “Gerak Gempur “Cipta” Profesional Melayu”, *Berita Harian*; Abdul Rahman Embong. (2002). A Critical Review of Malaysian Middle-Class Studies. In: State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia. International Political Economy Series. Palgrave Macmillan, London.

sosiologi mengkaji golongan ini dari sudut sosiologi organisasi, stratifikasi kelas dan sosio-budaya. Mereka melihat golongan profesional dan korporat sebagai satu golongan penting dalam kelas menengah dalam keseluruhan struktur masyarakat yang terbahagi kepada kelas-kelas tertentu dan fungsi mereka dalam masyarakat (Nor Hayati Sa'at, 2004: 135; Abdul Rahman Embong, 2002, 1996). Namun, kebanyakan sarjana mengakui peranan penting golongan profesional dan pengurus atau usahawan dalam pembangunan, pemodenan dan perubahan masyarakat sebagai penggerak pembangunan dan kepesatan ekonomi negara (Nor Hayati Sa'at, 2004: 135; Abdul Rahman Embong, 2002, 1996; Muhamad Asri Ab. Ghani et.al 2012; Faradillah dan Samsudin, 2016: 2; Faradillah Iqmar Omar & Samsudin A. Rahim, 2015).

Keunikan dari kemunculan golongan profesional dan korporat Melayu Muslim ini perlu dikaji dari pelbagai sudut contohnya, dalam aspek pemikiran dan tingkahlaku kepimpinan profesional seperti meletakkan matlamat, membentuk proses mencapai matlamat, menghubungkan proses dan prosedur (Mastrangelo, Eddy, and Lorenzet, 2004). Kertas kerja ini bertujuan mengupas pemikiran *al-falah* atau kecemerlangan berteraskan Islam dalam kalangan golongan profesional dan korporat Melayu di Malaysia. Kajian ini turut menganalisis bagaimana manifestasi pemikiran *al-falah* ini diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menyumbang kepada pencapaian cemerlang dalam kehidupan. Pendekatan kualitatif secara exploratori digunakan bagi kajian sosio-agama pelbagai disiplin.

GOLONGAN PROFESIONAL DAN KORPORAT DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Golongan professional merujuk kepada golongan yang membabitkan bidang profesional seperti akauntan, jurutera, doktor dan peguam. Manakala, golongan korporat merujuk kepada golongan yang menceburkan diri dalam kegiatan perniagaan, perusahaan dan keusahawanan (Affifuddin Omar, 1996). Bidang korporat dan keusahawanan itu sendiri merujuk kepada lingkungan penglibatan individu yang merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan. Sementara usahawan itu pula merupakan individu yang bertindak berorientasikan tindakan, mempunyai daya kreatif dan inovatif, bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan bagi mencapai sesuatu matlamat (Khairuddin Khalil, 1996). Usahawan juga merujuk kepada seseorang yang mengamalkan sikap ketekunan dalam melaksanakan kerja. Mereka mempunyai keyakinan diri kepada apa yang dihajati serta keupayaan meletakkan arah kepada destinasi yang dituju (Norhayati, 2010).

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013 meletakkan pengurus syarikat dan pengarah eksekutif dalam kategori pengurus Kumpulan Utama 1 (MASCO 2013, 26). Usahawan juga dimasukkan dalam pengurus yang menggubal, menganalisa, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, dan membuat, meminda dan memansuhkan undang-undang, kaedah dan peraturan awam, dan mewakili serta bertindak bagi pihak kerajaan, dan memantau pentafsiran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas, atau merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamnya.² Kedua-dua golongan ini seringkali menjadi fokus utama dalam menyumbang kepada pembangunan negara dan sebagai golongan yang menjadi sasaran dan produk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan diteruskan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN) dalam menghasilkan golongan yang berjaya dalam kalangan Bumiputera.³

² Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif pula merangka dan mengkaji semula dasar, dan merancang, mengarah, menyelaras dan menilai aktiviti-aktiviti keseluruhan perusahaan atau organisasi (kecuali organisasi berkepentingan khas dan jabatan-jabatan kerajaan) dengan sokongan pengurus lain, biasanya dalam lingkungan garis panduan yang ditetapkan oleh lembaga pengarah atau badan pentadbir yang mereka ini perlu bertanggungjawab bagi segala operasi yang dijalankan dan hasil yang diperolehi. Termasuk dalam kategori ini ialah 1121-01 Ketua Pegawai Eksekutif, 1121-02 Ketua Pegawai Operasi, 1121-03 Pengarah Eksekutif dan 1121-04 Pengarah Syarikat. Rujuk MASCO 2013: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013, (Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia, 2013), halaman 23.

³ Antara dimensi baru DPN ialah Menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting kearah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan

Jadual 1: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013

Kategori	Pengelasan Pekerjaan
Kumpulan 1 :	Pengurus
Kumpulan 2 :	Profesional
Kumpulan 3 :	Juruteknik Dan Profesional Bersekutu
Kumpulan 4 :	Pekerja Sokongan Perkeranian
Kumpulan 5 :	Pekerja Perkhidmatan Dan Jualan
Kumpulan 6 :	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan, Dan Perikanan
Kumpulan 7 :	Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan
Kumpulan 8 :	Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang
Kumpulan 9 :	Pekerja Asas
Kumpulan 0 :	Angkatan Tentera

Sumber: MASCO 2013: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013.

Berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013 atau Malaysia Standard Classification of Occupations 2013 (Jadual 1), golongan profesional diistilahkan sebagai dalam kategori Kumpulan Utama 2 yang terlibat meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas (MASCO 2013, 29 September 2020). Golongan ini biasanya mendapat Pendidikan tertier yang membawa kepada ijazah universiti atau pascasiswazah; Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5-8, dan terlibat dalam profesion dalam kelompok seperti doktor, pensyarah, jurutera, arkitek dan sebagainya (MASCO 2013, 50).

Berdasarkan statistik Badan Profesional Terpilih dan Berdaftar, pada tahun 1980 sehingga 2000, peratusan bagi golongan profesional Bumiputera dalam bidang akauntan dan jurutera dilihat berada pada kadar peratusan yang amat kecil berbanding bidang kritikal lain seperti arkitek, doktor, doktor gigi, veterinar dan peguam. Walaupun statistik itu dilihat meningkat selepas tahun 2000, peratusannya masih lagi dianggap kecil berbanding jumlah bilangan profesional berdaftar iaitu profesional akauntan Bumiputera berada pada kadar 9 peratus atau 1,687 orang daripada jumlah keseluruhan iaitu 20,146 orang. Bagi bidang kejuruteraan pula, peningkatan sebanyak 26 peratus selepas tahun 2000 boleh dianggap sebagai satu peningkatan yang agak baik (Mohd Azraai, 2019).⁴

Perbezaan bagi pembabitan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam bidang kritikal ini perlu dilihat kerana ia boleh dijadikan satu indikator kepada kedudukan golongan profesional Bumiputera sekarang. Mengikut sumber Badan Profesional Terpilih dan Berdaftar, bidang perakaunan dan kejuruteraan menunjukkan jurang perbezaan amat ketara antara Bumiputera dan bukan Bumiputera seperti dicatatkan pada 2017 iaitu sebanyak 80 peratus pembabitan Bumiputera sebagai akauntan bertauliah dan 26 peratus bagi jurutera bertauliah (Mohd Azraai, 2019). Secara umumnya, kerajaan melalui DEB juga berjaya meningkatkan pencapaian ekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu dan Bumiputra umumnya, sehingga golongan ini serta pemimpin negara juga menjadi model kebanggaan dalam kalangan Umat dan negara-negara Islam

penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi; Meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untukmelibatkan diri dalam proses penyusunan semulamasyarakat; dan Memberi lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamatpertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama. Dasar Pembangunan Nasional, dicapai pada 27 September 2020. https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/08DASAR_PEMBANGUNAN_NASIONAL.pdf.

⁴ Mohd Azraai Kassim, "Gerak Gempur "Cipta" Profesional Melayu", *Berita Harian*, 11 Disember 2019.

(Mohd Azraai, 2019). Namun, erti kejayaan yang berteraskan pemikiran Islam kurang dikupas dan diberi perhatian. Penjelasan secara deskriptif tentang makna kejayaan dalam Islam atau *al-falah* dari perspektif golongan profesional dan korporat Melayu di Malaysia dapat melihat sudut pandang mereka tentang istilah tersebut dan bagaimana makna *al-falah* diterjemahkan dalam bentuk Akal Budi Melayu, iaitu pemikiran dan tindakan yang bijaksana.

KONSEP AL-FALAH DARI PERSPEKTIF ISLAM

Falah menurut *Kamus Dewan* (2005) sebagai kemenangan dan kejayaan. Kalimah ini daripada perkataan Arab, iaitu *al-falah* bermakna *al-baqa'* (Al-Azdi, 1988). Kalimah *al-falah* digunakan dalam azan dalam laungan, iaitu *Hayy 'ala al-falah* (حي على الفلاح) yang memberi makna sebagai *marilah menuju kepada kejayaan* (Al-Anbari, 1992: 1/38). Namun makna seruan ini memiliki pelbagai maksud menurut ahli bahasa 'Arab antaranya ialah Al-Dinuri (1976: 1/172) sebagai *al-baqa' fi al-Jannah al-Khulud* (البقاء في الجنة الخلود) yang membawa makna sebagai kekal dalam syurga buat selama-lamanya. Manakala Al-Firahidi (1985) menyatakan pula daripada segi bahasa sebagai *al-Baqa' fi al-Khayr* (البقاء في الخير). Akhir sekali Al-Anbari, (1992: 1/38) menambah makna ini sebagai *marilah kepada perkara yang kekal, iaitu ambillah sesuatu boleh menjadi sebab kekal dalam syurga* yang membawa maksud sebagai kekal dalam kebaikan. Oleh kerana itu boleh disimpulkan bahawa *falah* sebagai sesuatu yang bersifat kejayaan yang kekal di dalam syurga yang abadi.

Kalimah *al-falah* sebenarnya ada digunakan dalam al-Quran bagi merujuk kepada makna bahasa seperti yang dibincangkan oleh ulama dalam bidang bahasa Arab. Sebagai contoh Allah SWT menggunakan perkataan *al-Muflihun* (المفلحون), iaitu orang yang berjaya. Penggunaan perkataan *al-Muflihun* ini jelas ditujukan kepada orang yang berat amal timbangannya (*al-Mu'minun*, 23: 102; *al-'Araf*, 7: 8), orang yang mendapat petunjuk (*Luqman*, 31: 5), orang yang melakukan amar makruf nahi mungkar (*Ali 'Imran*, 3:104), ikhlas dalam membantu orang miskin dan *ibn sabil* (*al-Rum*, 30:38), orang yang melakukan mujahadah (*al-Tawbah*, 9: 88), orang yang bertakwa, sentiasa mendengar dan mentaati perintah Rasul, dan orang yang suka membelanjakan hartanya (*al-Taghabun*, 64: 16; *al-Nur*, 24:51; *al-Hashar*, 59:9; *al-A'raf*, 7:157), dan tidak mengasihi orang yang menentang Islam (*al-Mujadalah*, 58: 22).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara exploratori dan merupakan kajian sosio-agama pelbagai disiplin. Dokumentasi pengalaman bersama 15 informan dari kategori profesional dan korporat dilaksanakan melalui kaedah sejarah lisan. Kaedah persampelan bertujuan secara berkriteria (criterion sampling) digunakan dalam kajian ini. Sesi temuramah semi-struktur secara mendalam dirakamkan, dilakukan transkripsi dan dianalisis secara analisis deskriptif dan tematik. Enam langkah analisis secara tematik (*six steps of thematic analysis*) digunakan untuk menganalisis transkripsi temuramah (Braun and Clarke, 2017; 2006). Braun dan Clarke (2006) menyarankan panduan enam langkah atau fasa yang merupakan rangka yang praktikal dan berguna bagi melaksanakan analisis tematik ini (Maguire dan Delahunt, 2017). Rajah 1 menunjukkan enam langkah analisis tematik seperti diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang menjadi panduan dalam melaksanakan kajian ini.

Rajah 1: Enam Langkah Analisis Tematik

Sumber: Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.

- Membiasakan diri dengan data (*Familiarize yourself with your data*).
- Meletakkan kod awal bagi data untuk menjelaskan kandungan (*Assign preliminary codes to your data in order to describe the content*).
- Mencari paten atau tema-tema dalam kod merentasi pelbagai sesi temuramah (*Search for patterns or themes in your codes across the different interviews*).
- Menilai semula tema-tema (*Review themes*).
- Mendefinisikan dan menamakan tema-tema (*Define and name themes*).
- Menyediakan laporan (*Produce your report*).

Menurut Clarke dan Braun (2017: 297-298), analisis secara tematik (*Thematic Analysis*) menyediakan prosedur yang sistematik dan boleh dicapai untuk mewujudkan kod dan tema daripada data kualitatif. Analisis tematik didefinisikan sebagai berikut: “*Thematic analysis is a method for identifying, analysing and reporting patterns (themes) within data*” (Braun and Clarke, 2006). Kod merupakan unit analisis terkecil yang diambil daripada ciri-ciri menarik data yang berpotensi dan relevan dengan persoalan kajian. Kod merupakan blok-blok binaan tema, yang menggambarkan paten makna, disokong oleh konsep yang dibina secara berpusat – iaitu idea teras yang dikongsi Bersama. Tema-tema menyediakan satu framework atau rangka bagi tujuan menyusun dan melaporkan pemerhatian pengkaji secara analitikal. Hal ini dinyatakan oleh Clarke dan Braun (2017: 297-298) sebagai berikut:

“*Thematic Analysis provides accessible and systematic procedures for generating codes and themes from qualitative data. Codes are the smallest units of analysis that capture interesting features of the data (potentially) relevant to the research question. Codes are the building blocks for themes, (larger) patterns of meaning, underpinned by a central organizing concept - a shared core idea. Themes provide a framework for organizing and reporting the researcher’s analytic observations.*”

Tujuan analisis tematik tidak hanya merumus kandungan data, tetapi juga mengenalpasti, menterjemah kunci utama ciri-ciri unik data, bukan semestinya semua, dipandu oleh persoalan kajian. Perlu diingat bahawa dalam analisis tematik, persoalan kajian tidak tetap dan boleh berubah sepanjang pembinaan kod dan tema. Penekanan utama adalah untuk menghasilkan analisis yang berkualiti tinggi, tepat dan berhati-hati (*rigorous*). Proses analisis ini membina prosedur yang berkualiti seperti proses dua-tahap di mana tema-tema terbitan dinilai terhadap data yang dikodkan dan keseluruhan set-data (Braun & Clarke, 2017: 297-298). *The aim of TA is not simply to summarize the data content, but to identify, and interpret, key, but not necessarily all, features of the data, guided by the research question (but note that in TA, the research question is not fixed and can evolve throughout coding and theme development). The emphasis is on producing rigorous and high-quality analysis; TA has in-built quality procedures such as a two-stage review process (where candidate themes are reviewed against the coded data and the entire data-set.* (Lihat Braun & Clarke, 2006, 2012, 2013, 2017: 297-298).

Ciri-ciri fleksibiliti yang terdapat pada analisis tematik, tidak hanya dalam pembinaan soalan kajian, malahan melibatkan saiz persampelan, struktur pengkarangan, metod pengumpulan data dan pendekatan untuk membentuk makna. Kaedah analisis data juga digunakan untuk mengenalpasti hubungan paten (*pattern*) dalam lingkungan dan merentasi data berhubung pengalaman hidup, pandangan dan perspektif serta tindakan dan sikap informan; kajian ‘pengalaman’ – ‘*experiential research*’ yang memerlukan pemahaman apakah yang difikirkan, dirasai dan dilakukan oleh peserta atau informan. Berikut pernyataan Braun & Clarke (2017: 297-298) berhubung ciri-ciri unik Analisis Tematik:

“The hallmark of this form of TA is its flexibility – not simply theoretical flexibility, but flexibility in terms of research question, sample size and constitution, data collection method, and approaches to meaning generation. TA can be used to identify patterns within and across data in relation to participants’ lived experience, views and perspectives, and behavior and practices; ‘experiential’ research which seeks to understand what participants’ think, feel, and do.” (297-298)

Anonimiti (*anonymity*) dan kerahsiaan (*confidentiality*) peserta atau informan dengan menggunakan pseudonyms bagi informan dan lokasi kajian dilakukan merupakan amalan etika kajian yang utama dalam penyelidikan sains sosial (Graham Crow and Rose Wiles, n.d). Namun dalam kajian yang mengikut kaedah histografi dan sejarah lisan, metodologi ini memiliki ciri uniknya yang tersendiri dalam kelompok penyelidikan sains sosial, dan memerlukan kepada kejelasan fakta yang tepat daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam kajian sejarah yang berlaku (Le Roux, 2012). Oleh yang demikian, isu ketentuaan dalam identiti informan dan ketepatan fakta adalah diberi keutamaan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi meneroka perspektif golongan profesional dan korporat Melayu Malaysia dalam memahami konsep *al-falah* dalam Islam. Seramai 14 orang informan yang terdiri daripada tokoh pelbagai profesion dalam bidang profesional seperti pakar motivasi, tokoh bahasa dan sastera, ahli akademik dalam bidang perubatan, kaunseling, kejuruteraan, sains dan kepimpinan, sains tulen, tokoh agama, dan tokoh korporat. Seramai lima orang informan tinggal di sekitar Selangor, empat informan bekerja dan tinggal di Negeri Sembilan dan selebihnya tiga informan masing-masing tinggal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Johor. Informan adalah tergolong dalam kategori dewasa berumur antara 49 hingga 78 tahun.

Jadual 1: Latar Belakang Informan

ID Informan	Nama	Profesion/ Bidang	Tempat	Umu r
I1	Dato’ Dr. Hj. Mohd Fadzilah bin Kamsah	Pakar Motivasi (Kaunseling, Motivasi dan Kewartawanan)	Bandar Baru Bangi, Selangor	69
I2	Dr Shafie Abu Bakar	Pakar Bahasa dan Kesusasteraan/ Tokoh Politik	Bandar Baru Bangi, Selangor	78
I3	Prof Datuk Dr Awang bin Sariyan	Pakar Bahasa dan Kesusasteraan	ISTAC, Kuala Lumpur	67
I4	Prof Dr Zainur Rashid bin Zainuddin	Tokoh Akademik (Perubatan)	Seremban, Negeri Sembilan	54
I5	Prof Datuk Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim	Tokoh Akademik (Kaunseling)	Nilai, Negeri Sembilan	71
I6	Dato’ Dr. Mohamed Razali	Tokoh Korporat Pengerusi Eksekutif	Shah alam, Selangor	74

	bin Dato' Mohamed Yusoff	dan Pengarah Urusan Nusantara Technologies Sdn. Bhd.		
I7	Prof Dato' IR Dr Wan Ramli bin Wan Daud	Tokoh Akademik (Kejuruteraan)	UKM, Bangi, Selangor	64
I8	Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak	Tokoh Akademik (Sains dan Kepimpinan)	Seremban, Negeri Sembilan	67
I9	Prof Dato' Hj. Mohd. Yusuf Othman	Tokoh Akademik Fizik dan Kimia (Sains Tulen)	UKM, Bangi, Selangor	68
I10	Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar	Tokoh Akademik (Sains Perubatan)	UKM, Bangi, Selangor	49
I11	YB. Senator Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri,	Mufti/ Pakar Agama Mantan Mufti Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan, Putrajaya	51
I12	YBhg. Puan Hajjah Faiza Bawumi Sayed Ahmad	Tokoh Korporat /Ahli Perniagaan	Batu Pahat, Johor	77
I13	Datuk Abdul Latiff Mirasa	Tokoh Korporat Pengerusi Yayasan Restu (Perniagaan dan Kesenian Islam)	UKM, Bangi, Selangor	67
I14	YBhg. Datuk Dr Mohd Daud Bakar	Tokoh Korporat (Kewangan Islam)	Amanie Group Sdn Bhd.	56

Memaknai Intipati Al-Falah

Kajian ini meneroka maksud konsep *al-falah* dalam pemikiran (Akal) dan minda golongan profesional dan korporat Melayu Muslim. Sebanyak 11 tema terbitan dihasilkan daripada transkripsi data interview yang menggambarkan pemikiran kedua-dua golongan ini dalam menghayati maksud *al-falah* dalam Islam. Rajah 1 menunjukkan 11 tema terbitan tentang maksud *al-falah* dari perspektif informan.

Rajah 2: 11 Tema Terbitan Makna al-Falah dalam Pemikiran Golongan Profesional dan Korporat Melayu Malaysia



a. Kejayaan dan Kebahagiaan Hidup Dunia dan Akhirat – T1

Al-Falah dalam akal budi dan pemikiran informan dapat difahami sebagai kejayaan, kebahagiaan dan mendapat keberuntungan hidup di dunia dan di akhirat dalam bentuk keseimbangan, keselamatan, kesejahteraan dan faedah hidup di kedua-dua alam, bagi mendapat redha Allah SWT dan terhindar daripada azab api neraka serta akhirnya dimasukkan ke syurga. Informan I2 dan Informan I4 juga mengaitkan maksud kalimah *al-falah* ini dengan ayat al-Quran. Kejayaan dalam maksud ini juga diterjemahkan sebagai kecemerlangan dari segi sikap, tingkahlaku, nilai menghormati manusia lain. Perspektif informan terhadap maksud *al-falah* dinyatakan seperti pernyataan di bawah:

“So, memang lah kita bercakap kejayaan itu al-Falah itu kejayaan dunia dan akhirat ye..” (I1 – Fadzilah)

“Al-Falah ni pada saya apabila seseorang itu..dapat mengimbangi ye hidupnya dan mudah mudahan dia di atas landasan yang betul untuk dapat redha manusia, dapat redha Allah, dapat redha mak bapak nya haa dan kalau di dalam masyarakat dapat redha dan pengiktirafan masyarakat ye” (I1 – Fadzilah)

“Al-Falah ni makna kejayaan ye..(Aah..) kejayaan..Maknanya kalau dalam ayat Qur’an aa Hasanah fi dunia wa hasanah fil akhirah..Kita dok baca Rabbana atina fi dunia hasanah, wa fil akhirati hasanah, wa qina ‘azab an nar..aa hasanah ni dalam erti yang luas lah..Makna baik di dunia, dan baik di akhirat ye..Makna berjaya di dunia, kalau kita istilah berjaya dunia, berjaya di akhirat..Makna selamat di dunia, selamat di akhirat..Memberi faedah ke di dunia dan memberi faedah aa akhirat lah.” – (I2 – Dr Shafie)

“Al-Falah dari sudut bahasanya, yang berjajalah, kejayaan. Dia juga boleh bermaksud aa keberuntungan yang beruntung ye..Kemudian aa sebagai seorang Muslim, significantly seorang tu berjaya apabila kita berjaya mendapat redha Allah SWT ye dan syurga-Nya..yang tu short term nya, redha Allah Taala eh..yang long term nya adalah mendapat syurga-Nya..dan dalam Quran pun banyak sebut yang saya godek-godek tu..(Yang paling..yang paling ni dalam surah al-Mu’minun..ayat Quran..) Haa..(Ayat Quran) kan.” (I4 – Prof Zainur)

“Maknanya..(Sejahtera..sejahtera..) how sejahtera it is..Kan we go back to that..(Ikut fitrah kita patutnya..) (Kena go back pada yang itulah..) Go back pada itu..(Lepas daripada ni, pukul 5 kita balik..) Sebabnya itu dah terbukti berjaya..(Berjaya..dan akhirnya melahirkan generasi yang sejahtera..) Haa itulah yang saya kata..” - (I5 – Datin Mizan)

“This to me is kekayaan tapi yang hebat pulak tu, Tuhan ni dengan dia punya kekayaan jugak, Allah SWT, dia bagi saya rezeki..My business is doing so well..” – (I6 – D. Ghazali)

“Al-Falah is excellence okay..Excellence means many things..Excellence does not means material exist, it means excellence in attitude, behavior, values, respect for mankind, that is excellence..” – (I6 – D. Ghazali)

“Satu lagi ialah kejayaan dari segi aa.jiwa. Hah. Jadi ini bersangkutan paut dengan, dengan agamalah. Maknanya kejayaan di dunia dan akhirat. Haa, itu yang penting bagi saya. Jadi kita tidak meninggalkan juga di akhirat itu. Jadi apakah kejayaan di dunia dan akhirat itu yang perlu kita lihat. Aa.. jadi ya.” – (I7 – Prof Wan Ramli)

“So, kejayaan atau al-Falah pada saya aa.. kejayaan untuk akhirat memang Allah dah gariskan yang zahir yang kita ni patut memelihara niatlah dalam pada kita ni. Tapi kejayaan di dunia jugak selagi yang tidak bersalahan maka kita sepatutnya aa.. work for that sebab supaya Islam tidak terfitnah kan, supaya kita pun ada di kalangan kita orang yang memang orang kata apa, cemerlanglah aa.. dunia dan akhirat .” – (I10 – AP Rafidah)

Selain kejayaan dalam bentuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat, Informan 10 menjelaskan bahawa kejayaan dicapai berlandaskan panduan Allah SWT seperti dinyatakan di dalam al-Quran dan menjalani kehidupan yang tidak bercanggah dengan syarak, seperti menunaikan solat tepat pada waktunya. Walaupun menyatakan kepentingan keseimbangan kejayaan dalam urusan hidup dunia dan akhirat, namun Informan 12 meletakkan keutamaan mencapai kebahagiaan di akhirat terlebih dahulu, yang disusuli oleh aspek keduniaan. Mantan Mufti Wilayah Persekutuan yang kini menyandang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri menjelaskan makna *al-Falah* yang cukup istimewa dari segi lahiriah dan batiniah, dengan memberi perumpamaan *al-falah* yang berkembang umpama meletakkan anak benih ke dalam tanah yang dibajai dan berkembang subur. Ini memperluaskan makna *al-Falah* kepada tema yang kedua iaitu kebahagiaan dan kegembiraan zahir dan batin. Penyataan informan berhubung maksud *al-falah* adalah seperti berikut:

“Kejayaan yang ni sebenarnya Allah bagi garis panduan di dalam al-Quran tapi sebenarnya kita pun tak tahu kita termasuk ke tak dalam orang yang berjaya” – (I10 – AP Rafidah)

“Kejayaan di dunia pulak selagi tak bercanggah dengan syarak maka kita pun boleh aim untuk berjaya dengan kriteria yang ditetapkan macam solat tepat pada waktunya. Aa.. dalam Ramadhan pun kita akan ada perara-perkara yang dituntut”. – (I10 – AP Rafidah)

“Falah ini dia cukup istimewa kerana gambaran itu kita akan nampak asal daripada bentuk yang bersifat lahiriah ataupun zahir, dia disembahkan atau dimaknakan dengan makna batini, aaa... maksud saya kata Sya’rawi dan lain Falah dengan makna faliha, yaflah, letak benih dalam baja, dalam tanah lepas itu tumbuh begini.” - (I11 – Dato’ Mufti)

“Ya berjaya, dunia akhirat. Kalau boleh dunia akhirat sebab kalau kita kejarkan akhirat, dunia akan kejar kita. Kalau kita kejarkan dunia akhirat, ketinggalan. Jadi kita kena akhirat dulu.” - (I12 – Puan Faiza)

b. Kebahagiaan dan Kegembiraan Zahir dan Batin – T2

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), yang juga merupakan Mantan YB. Senator Datuk Zulkifli Mohamad al-Bakri menjelaskan makna *al-Falah* yang cukup istimewa merangkumi kejayaan, kebahagiaan dan kegembiraan dari segi lahiriah dan batiniah, diumpamakan kegembiraan melihat benih yang tumbuh dan berkembang segar. Beliau menjelaskan maksud *falah* menurut Imam al-Sya’rawi dari segi bahasa *faliha, yaflah*, sehingga dalam bentuk *fa’al*, disebut sebagai *fallah*, yang memjelmakan kegembiraan dari segi zahir membawa kepada batin yang terpancar dalam perasaan, hati, jiwa, emosi dan terkesan kepada aspek kerohanian.

*“Maksud saya kata Sya’rawi dan yang lain Falah dengan makna faliha, yaflah, letak benih dalam baja, dalam tanah lepas itu tumbuh begini. Jadi orang yang tengok itu, setiap kali keluar benih dia suka, setiap kali benih itu ada tiga empat daun segar, dia suka. Tiap kali dia mula besar lagi, tiap kali suka sokmo. Sampailah kepada putik, sampailah pada bunga, sampailah kepada buah, buah lada, buah apa ke, buah durian ke apa ke, dia suka, dia suka, dia suka. Sampailah kepada. Jadi kalimah suka ini, sehingga datang pula dalam bentuk *fa’al, fallah*. Maknanya banyak sangat suka, banyak sangat gembira apa semua sekali sampai jual suka, orang nak mari suka, orang nak beli suka, orang beri pesanan pun suka. Jadi kesukaan itu kita nampak teruja*

yang amat sangat yang Allah kurniakan kalimah itu, untuk dibawa kepada makna yang batin, daripada hati zahir ini kepada perasaan, kepada hati, kepada jiwa, kepada emosi, kepada kerohanian dan seumpamanya.” - (I11 – Dato’ Mufti)

c. Keseimbangan dalam Semua Aspek Kehidupan – T3

Al-falah juga dijelaskan dengan maksud keseimbangan kehidupan dalam semua aspek: mengikut landasan yang betul dari sisi agama, melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dan sesama manusia, mendapat redha manusia, ibubapa, pengiktirafan masyarakat, berilmu dan berpengetahuan yang akhirnya mendapat redha Allah SWT.

“Al-Falah ni pada saya apabila seseorang itu..dapat mengimbangi ye hidupnya dan mudah mudahan dia di atas landasan yang betul untuk dapat redha manusia, dapat redha Allah, dapat redha mak bapak nya haa dan kalau di dalam masyarakat dapat redha dan pengiktirafan masyarakat ye” “Al-Falah ni pada saya apabila seseorang itu..dapat mengimbangi ye hidupnya dan mudah mudahan dia di atas landasan yang betul untuk dapat redha manusia, dapat redha Allah, dapat redha mak bapak nya haa dan kalau di dalam masyarakat dapat redha dan pengiktirafan masyarakat ye” - (I1 – Fadzilah)

“Mencari kejayaan itu dalam konteks yang kita kata seimbang lah”. – (Prof. Awang)

“Maknanya it’s a way of life..it must be become a way of life kan? ugama tu..Maknanya bila you kerja macam kita cerita tadi..Okay, you kerja sekarang you jadi pensyarah..Okay, bila you dilantik, berapa you punya tugas dia bagi? mengajar, itu ini, itu, jaga budak kan..Okay, bila you dinilai, you nilai, nilai apa? kertas aje..Mana yang amanah-amanah lain tu? Kan? This is all amanah..kan? Itu saya tanya tadi universiti ni apa? Universiti ni bukan tempat keluar paper..itu publishing house punya kerja..bukan..Kita memang kita nak ada paper to get idea macam ni kan..keluarkan idea baru..keluarkan apa ni, cara-cara, gaya baru dan sebagainya..betul..tapi bukan itu saja..Knowledge untuk apa? untuk menyediakan..memberikan..membentuk manusia” - (I5 – Datin Mizan)

Mantan Mufti menjelaskan ciri-ciri seseorang yang memiliki sifat al-Falah yang sangat disenangi oleh orang lain, dan orang disekelingnya merasa selamat daripada tangan atau kekuasaan yang dimiliki serta pada lidahnya (daripada memperkatakan perkara yang tidak baik dan sia-sia.

“Yang sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran itulah. Yang disebut dalam Al-Quran itu ciri-ciri al-Falah dan kita pun boleh tengok kehidupan dia nampak tenang, nampak bahagia, dia segala tanggungjawab dia lakukan, dia sendiri pun hubungan dari segi hubungan sesama manusia pun manusia amat-amat selesa dengan dia dan suka kepadanya. Dia tidak membeban dan menyusahkan orang. Dia orang Islam yang lain akan merasa selamat daripada tangan dan lidahnya. Jadi sifat-sifat itu akan terserlah bila seseorang itu ada sifat Al-Falah.” – (I11 – Dato’ Mufti)

d. Niat Betul/Hati Murni – T4

Sebahagian informan juga menyatakan bahawa kejayaan atau al-falah diperoleh apabila disertai niat dan hati yang murni. Hal yang demikian seharusnya disematkan di peringkat permulaan mengerjakan sesuatu pekerjaan. Kejayaan pertama dicapai apabila seseorang meletakkan niat, hati dan jiwa yang bersih dan betul dalam semua tindakan, sikap dan pemikiran.

“Pada kami kejayaan ialah bila hatinya betul..Bila hatinya murni ye, hatinya sentiasa kata orang tu aa ikhlas lah lah ye..Itu sebabnya konsep integriti, amanah masuk di situ. Hatinya kena betul dan ramai orang pun bila saya ditegur oleh seorang ulamak aa guru saya Allahyarham Dato' Dr Mahmud Saidon, Profesor Mahmud

Saidon once upon a time ye..Dia kata, “Barangsiapa pergi kerja tak pasang niat, maka akhir bulan dapat gaji, akhir tahun mungkin dapat bonus tapi kosong pahala..Mana mungkin akan dapat al-Falah, kejayaan dalam kerjaya kalau niat pergi kerja pun [tiada]” - (I1 – Fadzilah)

“Kuatkan berdoa (T2) dan sebagainya, usaha..” saya buatlah dan by Form 2 saya dapat nombor sepuluh, by Form 3, saya Best Student Pahang..(Allahu akbar..) Kemudian, Form 4 saya jadi presiden badan perwakilan pelajar..Aa kemudian daripada tu, saya masuk ke matrik USM, ingat nak buat medic USM..700 student apply buat medicine, aa yang diambil 70 orang..Daripada 70 orang, dapat masuk medicine USM, tiga kumpulan tiba-tiba dia punya nak tujuh orang sambung ke Ireland..Jadi saya antara tujuh best student yang tajaan JPA untuk belajar medic ke Ireland.” - (I4 – Prof Zainur)

“Kejayaan tu dalam hati kita tau, jiwa kita..” - (I6- Dato’ Ghazali)

e. Berusaha Berterusan/Istiqamah – T5

Sebagai seorang pakar dan tokoh motivasi terkenal negara, I1 meletakkan seseorang yang mencapai al-falah ialah mereka yang sentiasa melakukan sesuatu secara istiqamah dalam mencari ilmu pengetahuan dan sentiasa ingin berubah untuk mencapai kecemerlangan. Bagi memastikan seseorang dapat terus beristiqamah atau konsisten, seseorang perlu berdoa, bersungguh-sungguh melakukan sesuatu perkara dengan rela hati, sehingga berpuashati dengan pencapaian yang diperoleh. Dalam perjalanan mencapai al-falah, seseorang pasti diuji dan diduga, namun seseorang perlu cekal dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT.

“Lepas tu berterusan mencari ilmu.. Orang nak mencapai al-Falah kena sentiasa berubah ye sebab orang yang dua hari berturut-turut tak berubah sabda Nabi you all lebih faham daripada saya maka dia menuju kegagalan.” - (I1 – Fadzilah)

“Masukkan dalam doa you apa yang you nak istiqamah kan.. “Ada buat tak?” - (I1 – Fadzilah)

“Al-Falah juga yang tersirat di situ ialah sesuatu per perbuatan atau pun kegiatan yang positif tetapi yang paling berat ialah bagaimana nak istiqamah kan..Sebab ramai orang boleh berubah, pergi kursus dia berubah tapi tahan dua tiga minggu lepas tu balik karang haa (Zon selesa balik..)” - (I1 – Fadzilah)

“Tapi itu kena ada unsur istiqamah, that’s why kebanyakan kita gagal..Itu sebabnya kalau ada lah dalam pendidikan pengajaran tarbiah kita, bagaimana nak istiqamah tu bagaimana?..Itu sebab dalam semua kursus yang saya kendalikan mesti ada satu bab “Bagaimana nak mengekalkan perubahan” - (I1 – Fadzilah)

“Maknanya dua-dua [dunia dan Akhirat] jalan tu kita tempuh dengan apa ni, cara yang baik lah..Bukan ertinya kita aa, ertinya terus dapat..senang saja, tidak..” – (I2 – Dr Shafie)

“Yelah, actually this one is a process kan..Yelah, satu process..Jadi bila kita melalui proses tu dan kita balik kepada maknanya bila kita buat, kita rasa berjaya..kita rasa puas hati..kita apa..kita akan teruskanlah kerja-kerja yang kita laksanakan ye..Jadi, sebab itu saya rasa pengalaman-pengalaman yang berbagai ni penting ye.” – (I5 – Datuk Mizan)

“Saya contoh eh masa saya sekolah pun dulu kita tak ada banyak buku ke apa semua ni but we work very hard..we work very hard..(Buku rujukan tak ada..) Tak ada..buku rujukan satu tu boleh katakan muka ke muka tu kita baca kan..sampai hanyutlah kita kata ye..And then we work very hard and then kita very focus..Jadi saya rasa itu yang sangat penting untuk menjayakan ye..Macam kami orang kampung kan, apa kita ada? Sebenarnya kita tak ada apa tapi kita we are willing to work hard..We are willing to work hard..rasa saya..” – (I5 – Datuk Mizan)

“Dalam Islam pun disebut amalan yang penting ialah yang dilakukan secara konsisten. Walaupun sedikit, haa... jadi maknanya kalau kita lakukan amalan itu secara konsisten walaupun tak banyak, tapi lebih dihargai oleh Allah.” – (I7 – P. Wan Ramli)

“Kita sudah pun berjaya..Tapi macam mana nak menampilkan kejayaan itu? Ini usahanya..usahanya misal dia dan usaha itu bukan usaha yang calang-calanglah dan sudah tentu juga kalau dalam konteks ni, Tuhan akan duga..dia tidak benda yang mudah..Lagi banyak ujiannya.” – (I8 – Tan Sri Zulkifli)

“Hayya ala falah” dia kan azan hayya ala falah, menuju kejayaan. Jadi kalau kita menuju kejayaan, jadi kita kena usaha la untuk kejayaan. Kita tak usaha macam mana nak ada kejayaan.” – (I12 – Pn Faiza)

f. Memberi Manfaat Kepada Orang Lain – T6

Seramai lima orang informan bersetuju bahawa *al-falah* dapat dicapai apabila seseorang dapat memberi manfaat kepada orang lain, termasuk ahli keluarga, di mana faedah daripada tindakan seseorang memberi kebaikan kepada orang di sekelilingnya. Informan I1 turut memberikan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Orang yang paling baik di antara kamu yang paling banyak memberi manfaat pada orang lain”.

Informan I2 pula menjelaskan *al-falah* juga ertinya seseorang dapat memenuhi hasrat dan aspirasi, menyumbang, memberi nilai dan makna kepada kehidupan manusia sejagat dan Ummah keseluruhannya dari segi material dan bukan material. Informan I12 memberikan makna yang menarik kepada istilah *al-falah* yang dirujuk sebagai kejayaan yang berpunca dari Allah SWT, dan bukan melalui usaha manusia semata-mata. Usaha hanyalah sebab untuk mencapai *al-falah*, namun *asbab* dan *musabbabnya* datang dari keizinan Allah SWT juga. Oleh yang demikian, seseorang perlu membantu orang lain sebagai tanda syukur kepada nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

“X factor nya dikeluarkan untuk membantu dirinya, keluarganya, ummah sekeliling haa itu orang yang dapat al-Falah lah mudah-mudahan haa dapat..Apa yang Allah beri, dia..dia manfaatkan..Benar kata Nabi “Orang yang paling baik di antara kamu yang paling banyak memberi manfaat pada orang lain” - (I1 – Fadzilah)

“Ertinya dia punya aa natijah nya memberi kebaikan aa..Macam saya, saya bagi pandangan saya lah..Maknanya minat dalam bidang penulisan, kerana penulisan tu dapat memberi apa benda ni, faedah kepada orang dan memberi kepuasan bagi kita juga..” – (I2 – Dr Shafie)

“Kejayaan tu saya ingat ertinya dia dapat memenuhi hasrat dan aspirasi, juga ertinya nilai, apa benda ni, kesejagatan lah..Kita berada dalam tu..Kalau sendiri tak jadi pulak..Maknanya dinilai masyarakat kesejagatan lah..Ertinya sebagai satu yang memberi sumbangan lah terhadap apa dia ni, kemanusiaan tu tadi lah..(Haa..) Kemasyarakatan tu sendiri..Dapat beri sumbangan ye.” – (I2 – Dr Shafie)

“Jadi, kalau kita seorang berjaya menulis, seorang tu letak dalam kotak, orang tak baca sehingga rosak, mati, takde maknanya..(Hahaha..) Tapi dia bila sampai masyarakat, erti, dihayati dan dia mendapat faedah, haa (Maksud dia perlu publish lah..) Aah..apa dia nya, ialah melalui sampai kepada masyarakat, mereka faham, apa dia ni..itu ertinya kita berjaya lah.” – (I2 – Dr Shafie)

“Kejayaan ni, bukan ertinya mendapat pulangan dari segi material ye..haa itu mungkin keperluan saja lah..tapi bukan ertinya kejayaan yang bersifat material tetapi ertinya nilai-nilai yang kita dapat beri sumbangan kepada masyarakat tu, kepada ialah manusia keseluruhan tu..haa itu sebagai itulah.” – (I2 – Dr Shafie)

“Ada..diorang bagi bisnes dekat saya..Banyak orang macam tu..Ada..Banyak my staff yang saya, kawan-kawan saya yang saya tolong, business dia expand..Dia bagi business kat saya..Satu important thing is dia akan buka jalan banyak..Susah tau kalau kita nak fikirkan apa yang dia buat tu pasal benda-benda tu kadang-kadang terjadi, bila terjadi tu kita tanya, “Eh, macam mana you kenal saya?” “Saya kenal Datuk ni sebab saya kenal kawan saya tu, kawan saya tu ingat Datuk dulu..” That’s it..that’s all..So, the doors open automatically, you get the indirect benefit.” - (I6- Dato’ Ghazali)

“Maksud saya kata Sya’rawi dan lain Falah dengan makna faliha, yaflah, letak benih dalam baja, dalam tanah lepas itu tumbuh begini. Jadi orang yang tengok itu, setiap kali keluar benih dia suka, setiap kali benih itu ada tiga empat daun segar, dia suka. Tiap kali dia mula besar lagi, tiap kali suka sokmo. Sampaih kepada putik, sampaih pada bunga, sampaih kepada buah, buah lada, buah apa ke, buah durian ke apa ke, dia suka, dia suka, dia suka. Sampaih kepada. Jadi kalimah suka ini, sehingga datang pula dalam bentuk fa’al, fallah. Maknanya banyak sangat suka, banyak sangat gembira apa semua sekali sampai jual suka, orang nak mari suka, orang nak beli suka, orang beri pesanan pun suka. Jadi kesukaan itu kita nampak teruja yang amat sangat yang Allah kurniakan kalimah itu, untuk dibawa kepada makna yang batin, daripada hat zahir ini kepada perasaan, kepada hati, kepada jiwa, kepada emosi, kepada kerohanian dan seumpamanya.” - (I11 – Dato’ Mufti)

“Sebenarnya kejayaan datang daripada Allah s.w.t bukan daripada saya sendiri, cuma kita ni hanya usaha, sebab saya mulanya memang saya suka nak membantu orang dan suka nak bayar zakat yang banyak tapi saya nak bayar zakat dari mana? sedangkan saya takde pendapatan saya takde meniaga apa.” - (I12 – Puan Faiza)

g. Melakukan Terbaik dan Bersyukur – T7

Suatu perkara yang menjadi ciri terpenting dalam mencapai maksud *al-Falah* seperti ditegaskan oleh beberapa orang informan ialah melaksanakan semua perkara pada tahap yang terbaik. Ini bermaksud seseorang yang ingin mencapai tahap kecemerlangan dan kebahagiaan dalam hidup perlu melaksanakan segala tugas dan tanggungjawabnya pada tahap yang terbaik, bukannya mengambil sikap sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh terhadap tugas dan perlakuannya. Mantan Dato’ Mufti Wilayah Persekutuan menegaskan bahawa *al-Falah* memnuntut seseorang melakukan sesuatu perkara sama ada dalam urusan berkaitan hubungan dengan Allah SWT, mahupun urusan semama manusia dipamerkan dengan “cara dan tahap terbaik”. Informan I1 juga menegaskan bahawa *al-falah* berteraskan usaha bersungguh-sungguh dan melakukan sesuatu dengan cara yang terbaik, kerja kuat sebagai sunnatullah dengan cara yang betul dan fokus dalam usaha yang dilakukan.

Hal yang sama juga dinyatakan oleh beberapa orang informan seperti berikut:

“Salah satu ciri bersyukur ialah di samping patuh perintah Allah dan sebagainya itu, dia mesti membantu orang lain dan buat apa pun terbaik..Itu tanda syukur..Kalau tidak, dia tak bersyukur lah..Dia banyak potensi yang Allah beri jadi tanda syukur dengan potensi yang ada, dia keluar kan potensi itu, dia keluarkan kehebatannya.” - (I1 – Fadzilah)

“Saya melihat bila Al-Falah ini apabila gabungan antara hablu mina Allah pada tahap yang terbaik, dan hablu mina annas pada tahap yang terbaik. Sebab itu, bila Allah sebut qad aflahāḥ-mu`minūn allāzīna hum fī ṣalātihim khāsyi`un, bab solat ini dua kali Allah sebut walladhinahum ala solatihim yukhafidhun. Jadi dua kali. Bab zakat pun laksana. Begitu juga bab hubungan dengan sesama manusia. Wa lazi na hum liamanithim wa ahdihim yuraun. Jadi bila kita berada pada tahap terbaik, maka itulah Al-Falah.” - (I11 – SS Dato’ Mufti)

Hal ini juga bertepatan dengan maksud “ihsan” dalam sabda Nabi Muhammad SAW, dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari and Muslim:

Dari Abu Hurairah berkata; bahwa Nabi SAW pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril 'Alaihis Salam yang kemudian bertanya: "Apakah iman itu?" Nabi SAW menjawab: "Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, Rasul-Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari kebangkit". (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah Islam itu?" Jawab Rasulullah SAW "Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan suatu apapun, kamu dirikan shalat, kamu tunaikan zakat yang diwajibkan, dan berpuasa di bulan Ramadhan". (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah ihsan itu?" Nabi SAW menjawab: "Kamu menyembah Allah seolah-olah melihat-Nya dan bila kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu". (HR Al-Bukhari, 1987: 50; Muslim, t.th: 9).

Pengertian *ihsan* seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi hadis Abu Hurairah ini, memberi maksud bahawa seseorang menyembah Allah SWT seolah-olah dia melihatNya. Jika dia tidak berupaya untuk melihat Allah SWT, maka sesungguhnya Allah SWT melihat segala amal perbuatannya. Menyembah Allah SWT bererti mengabdikan diri kepadanya dengan ibadah menurut kaedah dan cara yang sebaik-baiknya sama ada pada zahir (perbuatan lahiriah) atau batin iaitu ikhlas pada niat (Mohd Nasir, Siti Norlina dan Siti Aisyah, 2013: 8).

Kesan dari sikap *ihsan* ini menyebabkan seseorang merasa lebih bertanggungjawab di atas ibadahnya sehingga dia melakukan sesuatu ibadah dengan penuh kejujuran sama ada ketika berada di khalayak ramai atau ketika bersendirian. Ini kerana dia merasa yakin bahawa segala yang dikerjakannya itu dilihat oleh Allah SWT yang menyebabkannya merasa malu jika ibadah yang dilakukannya itu sekadar melepaskan tanggungjawab di dunia sahaja (Mustafa, 2009: 112-113). Menurut Imam Al-Nawawi, Rasulullah SAW memberikan penjelasan mengenai ihsan dalam beribadah dengan tujuan agar setiap Muslim melakukan ibadah dengan penuh ikhlas, patuh, penuh ketundukan dan khusyu' apabila seolah-oleh melihat Allah SWT di hadapan mereka. Perasan melihat Allah SWT dapat menghasilkan rasa kehambaan dan bersungguh-sungguh dalam beribadah serta menunaikan hak-hakNya dengan tujuan untuk menghampirkan diri kepadaNya. Manakala di dalam Al-Quran, terdapat banyak ayat yang di sebut oleh Allah SWT mengenai ihsan (إحسان) iaitu pada surah Al-Baqarah ayat 178 dan 229, ayat 100 surah Taubah, ayat 9 surah Al-Nahl dan surah Al-Rahman pada ayat 55 (dua kali). Bagi perkataan ihsanan (إحسانا), juga terdapat sebanyak enam tempat iaitu pada ayat 83 surah Al-Baqarah, ayat 36 dan 62 surah Al-Nisa', ayat 151 surah Al-An'am, ayat 23 surah AlIsra' dan ayat 15 surah Al-Ahqaf. Merujuk kepada orang yang melakukan kebaikan (محسن، محسنون، محسنين), terdapat sekurang-kurangnya 28 tempat telah digunakan untuk menyebutkan sifat atau ciri-ciri orang yang melakukan ihsan (Al-Baqi, 1364h).

Seseorang yang mencapai *al-Falah* juga ditandai dengan rasa syukur dan sentiasa berterima kasih kepada Allah SWT, sentiasa redha dengan pemberianNya di samping patuh pada perintah Allah, membantu orang lain, menggunakan potensi yang ada padanya yang menyerlahkan kehebatannya di mata orang lain.

“Dan amat sedikit di kalangan hamba Ku yang bersyukur” Sebab orang bersyukur ni, dia buat apa pun terbaik..Orang bersyukur dia redha, dia akan berterima kasih pada Allah, dia akan buat yang terbaik sebab pada saya orang bersyukur mesti buat apa pun terbaik..Salah satu ciri bersyukur ialah di samping patuh perintah Allah dan sebagainya itu, dia mesti membantu orang lain dan buat apa pun terbaik..Itu tanda syukur..Kalau tidak, dia tak bersyukur lah..Dia banyak potensi yang Allah beri jadi tanda syukur dengan potensi yang ada, dia keluar kan potensi itu, dia keluarkan kehebatannya.” - (I1 – Fadzilah)

“So yes..al-Falah mesti berteraskan pada kerja kuat ye..usaha tangga kejayaan, memang betul..Itu sunnatullah..jadi kalau kita ikut dengan cara betul..tapi jangan..fokus pada diri sendiri aje..(Aah..) haa..nak jaga kubur kita kena pastikan jaga kubur orang barulah al-Falah”. - (I1 – Fadzilah)

h. Taat Kepada Perintah Agama/Allah SWT –T8

Al-falah juga ditafsirkan oleh sebahagian informan sebagai berusaha mentaati perintah Allah SWT dengan memelihara serta meningkatkan ibadah kepadaNya, memelihara solat, memperbanyakkan zikir, membayar zakat, menunaikan amanah serta meninggalkan laranganNya. YB Senator Dato’ Dr Zulkifli melihat seseorang yang mencapai *al-Falah* apabila berjaya menggabungkan antara hubungannya dengan Allah SWT (*hablu mina Allah*) pada tahap yang terbaik, dan hubungannya sesama manusia (*hablu mina annas*) pada tahap yang terbaik.

Mantan Mufti Wilayah Persekutuan serta beberapa orang informan juga menegaskan bahawa ibadah solat (sembahyang) sebagai tiang agama, juga tiang kepada kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Mantan Dato’ Mufti memperkukuhkan pandangannya dengan menyatakan inti pati kandungan awal Surah al-Mukminun, ayat 1 hingga 11 iaitu: *“Oleh sebab itu, apabila Allah menyebut qad aflahāḥ-mu`minūn allaḏīna hum fī ṣalātihim khāsyi`un”*. Allah SWT menegaskan kepentingan solat sebagai teras *al-falah* sebanyak dua kali, disamping turut menyatakan kepentingan membayar zakat, memelihara hubungan sesama manusia, serta menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya pada tahap terbaik. Apabila seseorang berjaya melaksanakan solatnya pada tahap yang terbaik, tidak timbul masalah dalam hidupnya. Sekiranya wujud masalah dalam hidup, ia dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik. Hal ini ditegaskan oleh beliau sebagai Informan I12 dalam pernyataan berikut:

“Bab solat ini dua kali Allah sebut walladhinahum ala solatihim yukhafidhun. Jadi dua kali. Bab zakat pun laksana. Begitu juga bab hubungan dengan sesama manusia. Wa lazi na hum liamanithim wa ahdihim yuraun. Jadi bila kita berada pada tahap terbaik, maka itulah Al-Falah.” – (I11 – SS Dato’ Mufti)

Kepentingan solat sebagai asas atau teras kejayaan juga dinyatakan oleh beberapa orang informan seperti di bawah:

“Haa of course lah ye, ibadah kena jaga..Pada saya orang yang tak jaga sembahyang, dia tidak terdapat al-Falah ye dan itu yang saya sangat sangat risau ye bila saya bercakap pada para pimpinan negara pun mereka nampak, tapi tak nampak sebagai urgency aa itu lah”. - (I1 – Fadzilah)

Kesemua ciri-ciri di atas bertepatan dengan tuntutan dan ciri-ciri *al-Falah* yang dimaksudkan di dalam al-Quran. Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri *al-Falah* dalam pemikiran tokoh profesional dan korporat Melayu Malaysia adalah bertepatan dengan saranan Allah SWT sebagaimana dijelaskan di dalam al-Quran. Pernyataan informan dalam tema “taat kepada perintah agama dan Allah SWT” dibuktikan dalam beberapa pernyataan berikut:

“Haa of course lah ye, ibadah kena jaga..Pada saya orang yang tak jaga sembahyang, dia tidak terdapat al-Falah ye dan itu yang saya sangat sangat risau ye bila saya bercakap pada para pimpinan negara pun mereka nampak, tapi tak nampak sebagai urgency aa itu lah”. - (I1 – Fadzilah)

“So, orang yang cemerlang ni mesti ada zikir tertentu di samping ma`thurt, ada amalan harian yang lebih sikit haa.” - (I1 – Fadzilah)

“Dalam tu is my way of life..how you lead your life as a professional? How you lead your life? Adakah you pegang yang apa ni, ajaran-ajaran Islam tu? Kan? Maknanya you hormat student you..you value dia, you take them as individuals dan sebagai manusia..” - (I5 – Datuk Mizan)

“Jangan buat apa yang Allah tak, Allah SWT tak izinkan, buat semua yang betul..All the mistakes I’ve made in my life has been honest mistakes..There are not dishonest mistake, they are honest mistake which I did not

realize but when I realized it, I corrected it immediately dan saya mengaku saya salah, yes.. You know, I'm the Vice President Lembaga Peradaban Melayu? Yes, I'm the Vice President..Ini yang saya, kita nak, nak orang kata, inject pada kita punya Melayu punya value system..I'm very active in that, nanti pergi sana nanti saya kasi kad saya..I'm also Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Malaysian Nature's Society, MNS..because of environment concern, yes and I contribute, I contribute..I set up a foundation lah semua lah, 200 ribu I kasi kalau tak salah..And Institut Lestari UTM, I give 1 million (Dia ada kaitan dengan kelestarian, sustainable development isn't it?) That's right, yes..I'm honorary fellow of Institut Lestari, ada gambar dekat office sana, my mother give Tuanku Almarhum Yamtuan Tuanku Jaafar, 1 million I bagi..” - (I6- Dato' Ghazali)

“Saya melihat bila Al-Falah ini apabila gabungan antara hablu mina Allah pada tahap yang terbaik, dan hablu mina annas pada tahap yang terbaik. Sebab itu, bila Allah sebut qad aflahāḥ-mu`minūn allazīna hum fī ṣalātihim khāsyi'un, bab solat ini dua kali Allah sebut walladhinahum ala solatihim yukhafidhun. Jadi dua kali. Bab zakat pun laksana. Begitu juga bab hubungan dengan sesama manusia. Wa lazi na hum liamanithim wa ahdihim yuraun. Jadi bila kita berada pada tahap terbaik, maka itulah Al-Falah.” - (I11 – SS Dato' Mufti)

“Yang peliknya bila Allah sebut hayya a'la salah, kita nampak clear, kita boleh pergi masjid, kita boleh pergi sembahyang. Tapi hayya a'la falah kat mana? Kat mana itu wujud dalam solat lah. Jadi bila wujud dalam solat, bila keluarga hancur, kerana tidak sembahyang. Kalau sembahyang, okay. Anak degil kerana tidak sembahyang, kalau sembahyang okay. Majikan tak baik, kerana tidak sembahyang, kalau sembahyang okay semua sekali. Ha itu kesimpulannya.” - (I11 – SS Dato' Mufti)

“Sebenarnya kejayaan datang daripada Allah s.w.t bukan daripada saya sendiri, cuma kita ni hanya usaha, sebab saya mulanya memang saya suka nak membantu orang dan suka nak bayar zakat yang banyak tapi saya nak bayar zakat dari mana? sedangkan saya takde pendapatan saya takde meniaga apa.” - (I12 – Puan Faiza)

i. Kerja Berpasukan – T9

Antara salah satu ciri *al-Falah* yang dinyatakan oleh informan ialah berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab secara berjamaah atau *teamwork* yang sentiasa menjadi rutin dalam kehidupan seharian. Sokongan, kerjasama dan kesatuan semua pihak yang terlibat adalah penting bagi mencapai kejayaan terhadap sesuatu yang diusahakan. Pencapaian matlamat dengan disertakan perancangan yang baik dalam satu pasukan merupakan asas penting mencapai maksud *al-Falah* dalam Islam. Penyataan informan berkaitan kepentingan berjamah untuk mencapai *al-Falah* dinyatakan seperti di bawah:

“Haa dan satu lagi dalam konsep al-Falah yang saya dah sebut tadi tu, kita kena sentiasa berjamaah..Allah tak pandang kumpulan yang tak satu hati..So, betulkan teamwork” . - (I1 – Fadzilah)

“Bergabung antara matlamat dan juga perancangan yang baik, dan alhamdulillah kami dapat kerja dalam bentuk team building, teamwork yang baik, okay itu mempercepatkan lagi kejayaan-kejayaan pejabat mufti dan juga sokongan dan dokongan daripada semua pihak.” - (I11 – SS Dato' Mufti)

Islam membawa satu konsep penting kepada umatnya, iaitu melakukan sesuatu perkara atau kerja secara berjamaah bagi memudahkan mencari penyelesaian terutama dalam perkara berkaitan urusan agama serta kehidupan (*Berita Harian*, 24 November 2008, Portal Rasmi E-Syariah, 2008). Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Berpegang teguhlah kepada tali Allah, janganlah kamu berpecah belah dan ingatlah kamu akan nikmat yang dikurniakan Allah kepada kamu".

(Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 103)

Firman Allah SWT itu menjelaskan kepada kita bahawa Islam amat menitikberatkan semangat bersatu padu, bekerjasama dan bekerja secara berjemaah. Malah, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Wajiblah kamu bersama-sama dengan jemaah dan berwaspadalah kamu terhadap perpecahan".

(Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala kepada manusia, samalah seperti serigala kepada kambing, ia akan memakan kambing yang jauh terpencil daripada kumpulannya, maka berhati-hatilah kamu dan hendaklah kamu sentiasa bersama-sama dengan jemaah dan orang ramai".

(Hadis Riwayat Ahmad)

Sementara itu, golongan yang gagal bekerjasama, dan seringkali bersengketa dan sukar untuk hidup secara berjemaah diumpamakan mereka yang hanya mementingkan dirinya sahaja. Pra-syarat kejayaan dalam Islam dengan melaksanakan tugas secara berjemaah dijelaskan oleh Saidina Umar Al-Khattab RA:

"Sesungguhnya tiada Islam melainkan dengan jemaah, tiada jemaah melainkan dengan kepemimpinan dan tiada kepemimpinan melainkan dengan ketaatan".

(Hadis Riwayat Ahmad)

Terdapat beberapa kelebihan melakukan kerja secara berjemaah atau berkumpulan, antaranya (Zalika dan Faridah, t. thn.: 2): pertama, dengan wujudnya kerja secara berjemaah kita mempunyai banyak maklumat dan idea. Konsep jemaah membolehkan ahli kumpulan berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pandangan. Kedua, kebiasaannya kerja yang dilakukan secara berkumpulan mempunyai daya kreatif yang lebih berbanding daya kreatif orang perseorangan. Ketiga, pembelajaran secara berkumpulan adalah lebih berkesan berbanding pembelajaran seorang diri. Keempat, penglibatan dalam kumpulan memberikan kepuasan kerana hasil kerja dan usaha tersebut tersebut membolehkan kita memenuhi keperluan sosial, misalnya dapat mewujudkan jaringan hubungan dengan orang lain.

Sekiranya disusuri perjalanan sejarah awal Islam, kemantapan iman sahabat Nabi SAW diterapkan menerusi ukhuwah yang sentiasa hidup dalam satu jemaah kukuh. Sikap tidak mementingkan diri sendiri terpapar dalam diri generasi awal Islam yang diselitkan dengan sifat mahmudah (*Berita Harian*, 24 November 2008, Portal Rasmi E-Syariah, 2008). Usaha untuk mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar ketika peringkat awal pembentukan negara Islam Madinah menunjukkan bahawa elemen kerjasama dan perpaduan adalah asas utama dalam pembinaan masyarakat, organisasi, negara dan Ummah.

Percampuran hidup umat Islam terhadap ideologi barat meletakkan betapa pentingnya kehidupan ummah dalam jemaah yang sentiasa berada di atas landasan Islam yang mengamalkan gaya hidup direcai Allah. Umat Islam tidak boleh berpecah kerana hal demikian akan menyebabkan kelemahan sedangkan untuk menghadapi cabaran dunia semasa memerlukan kekuatan bukan saja dari segi politik, ekonomi, juga kesatuan sebagai kumpulan yang kuat menyokong satu sama lain (*Berita Harian*, 24 November 2008, Portal Rasmi E-Syariah, 2008).

Berada dalam satu kumpulan yang besar juga membolehkan semua kerja dilakukan dengan berkesan dan cepat dengan syarat masing-masing mengetahui tanggungjawab serta melaksanakannya sebaiknya. Perumpamaan Melayu ada mengatakan bahawa: "Bersatu teguh, bercerai roboh" - wajar menjadi pegangan yang mengikat umat Islam supaya sentiasa berada dalam satu kumpulan kerana tanpa sokongan padu semua

pihak, sukar untuk mencapai matlamat serta kejayaan diharapkan (*Berita Harian*, 24 November 2008, Portal Rasmi E-Syariah, 2008).

Ini tidak bermaksud bahawa Islam tidak menggalakkan perbezaan pendapat, kerana di sana terdapatnya rahmat ke atas umat Islam. Perbezaan pendapat dibenarkan di dalam Islam, namun tidaklah sampai memutuskan silaturahim. Sebaik-baiknya perbezaan tersebut diuruskan dengan baik sehingga dapat menemukan keputusan yang lebih baik apabila ada pandangan serta hujah yang disampaikan berdasarkan ilmu pengetahuan demi kebaikan umat Islam sejagat (*Berita Harian*, 24 November 2008, Portal Rasmi E-Syariah, 2008).

j. Bersangka Baik dan Mendapat Redha Allah SWT – T10

Sebahagian informan melihat dua elemen penting dalam memahami makna *al-Falah* ialah sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT dan melakukan sesuatu dengan niat untuk mendapat redha Allah SWT. Walaupun pandangan masyarakat dan pihak yang membuat penilaian penting sebagai ukuran kejayaan yang dicapai, namun informan juga melihat aspek yang paling penting ialah pandangan Allah SWT terhadap setiap perlakuan, tindakan dan pemikiran manusia. Seseorang perlu mempunyai sikap untuk mencapai kehendak Allah SWT dan mendapat kasih-sayang serta redha Allah SWT. Apabila kedua-dua aspek ini dapat dicapai, akhirnya seseorang bakal mendapat syurga Allah SWT, iaitu mendapat kebahagiaan yang kekal abadi dan di sinilah destini terakhir yang menjadi idaman semua umat Islam.

“Jadi, apakah pandangan masyarakat sekitar tentang prestasi kita itupun sesuatu kayu ukur lah tentang kejayaan tapi yang paling penting itu lah kan of course apa kata Allah” - (I1 – Fadzilah)

“Jadi kita kena redha, kena berbaik sangka pada Allah”. – (I3 - Prof. Awang)

“Kehendak Allah tu fitrah kita..Itu bagi saya satu kejayaan”. – (I3 - Prof. Awang)

“Kemudian aa sebagai seorang Muslim, significantly seorang tu berjaya apabila kita berjaya mendapat redha Allah SWT ye dna syurga-Nya..yang tu short term nya, redha Allah Taala eh..yang long term nya adalah mendapat syurga-Nya..dan dalam Quran pun banyak sebut yang saya godek-godek tu..(Yang paling..yang paling ni dalam surah al-Mu'minin..ayat Quran..) Haa..(Ayat Quran) kan” – (I4 - Prof Zainur)

k. Pasti Mengharungi Dugaan Hidup -T11

Selain sepuluh ciri-ciri yang perlu ada bagi mencapai maksud *al-falah*, antara aspek penting yang mencakupi maksud tersebut ialah ujian dan dugaan hidup yang terpaksa ditempuhi sama ada sepanjang perjalanan menepuh kejayaan dan kecemerlangan atau pun setelah mencapai kejayaan di dunia. Untuk mendaki puncak jaya dalam kehidupan di dunia, pelbagai kesusahan, kesukaran dan ujian perlu ditempuh kerana kejayaan tidak dicapai dengan mudah dan diperoleh sekelip mata tanpa usaha berterusan. Semakin tinggi kejayaan dan bukit yang hendak didaki, maka semakin tinggi jugalah dugaan yang perlu ditempuhi. Hal yang demikian memerlukan kesabaran dan kecekalan dalam menepuh segala ujian dan cabaran dalam kehidupan demi memastikan *al-falah* dapat dicapai dalam erti kata yang sebenar. Nukilan informan dinyatakan seperti pernyataan di bawah:

“Haa dulu susah nak merasa, nak dapat dan masuk universiti satu keistimewaan ye..Payah orang nak dapat masa tu ye.” – (I2 – Dr Shafie)

“Kita sudah pun berjaya..Tapi macam mana nak menampilkan kejayaan itu? Ini usahanya..usahanya misal dia dan usaha itu bukan usaha yang calang-calanglah dan sudah tentu juga kalau dalam konteks ni, Tuhan akan duga..dia tidak benda yang mudah..Lagi banyak ujiannya.” – (I8 – Tan Sri Zulkifli)

“Jadi lagi naik maknanya lagi susah dugaan itu maknanya kita sudah mendaki...kalau tak ada dugaan pun saya kadang-kadang worried juga.” – (I8 – Tan Sri Zulkifli)

PERBINCANGAN

Kajian ini mengutarakan perspektif tokoh profesional dalam memaknai inti pati istilah al-falah atau kejayaan dalam Islam. Ini secara tidak langsung mempamerkan Model Pemikiran al-Falah golongan profesional dan korporat Melayu Malaysia yang menggambarkan impak difusi pemikiran Islam yang menjadi teras dan pasak kepada akal budi masyarakat Melayu kontemporari.

Dapatan kajian menghasilkan 11 tema terbitan tentang maksud *al-falah* dari perspektif tokoh profesional dan korporat Melayu Malaysia. Golongan ini meletakkan 11 indikator bagi mencapai maksud *al-Falah* antaranya, 1) Kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat, 2) Kebahagiaan dan kegembiraan zahir dan batin, 3) Keseimbangan dalam semua aspek kehidupan, 4) Memiliki niat yang betul dan hati yang murni, 5) Berusaha secara berterusan dan istiqamah, 6) Memberi manfaat kepada orang lain, 7) Melakukan yang terbaik dan bersyukur, 8) Taat kepada perintah agama, 9) Kerja berpasukan, 10) Sentiasa bersangka baik dan mendapat redha Allah SWT, 11) Pasti mengharungi dugaan hidup. Kesebelas tema terbitan ini merupakan kunci bagi mencapai *al-falah* dan hal ini bertepatan dengan maksud *al-falah* seperti dinyatakan di dalam al-Quran seperti dapatan kajian sebelumnya oleh Mashitah et., al. (2018) yang menunjukkan terdapat 40 kali pengulangan kalimah *al-Falah* yang membawa maksud keberuntungan, kejayaan dan kebahagiaan di akhirat dan di dunia. Berdasarkan kajian tematik yang telah dijalankan, terdapat empat tema utama yang berkaitan dengan penggunaan kalimah *al-Falah* di dalam al-Quran, iaitu ciri-ciri manusia yang berjaya, ciri-ciri manusia yang tidak berjaya, tips mendapat *al-Falah* dengan meninggalkan larangan Allah SWT dan tips mendapat *al-Falah* dengan mengikut perintah Allah SWT.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Mashitah et., al. (2018) ini, penggunaan kalimah *al-Falah* paling banyak disebut bagi menerangkan 12 ciri-ciri manusia yang berjaya di dunia dan di akhirat daripada 16 ayat daripada istilah *al-falah*. Antara saranan atau motivasi al-Quran bagi menggalakkan keinginan (*desire*) untuk kejayaan manusia ialah dengan menyenaraikan ciri-ciri orang yang berjaya, iaitu mereka yang mendapat petunjuk Allah SWT dan beriman (Surah al-Baqarah, 2: 5; al Mukminun, 23: 1), sentiasa berpegang kepada Quran dan Islam (Surah al-‘Araf, 7: 157), menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Surah Ali Imran, 3:104), berat timbangan amal salih (Surah al-Mukminun, 23: 102; Surah al-A’raf, 7: 8) serta orang yang mendengar dan orang yang patuh kepada perintah Allah SWT (Surah An-Nur, 24: 51). Selain itu, orang yang berjaya juga adalah mereka yang berjihad dengan harta dan jiwa mereka (Surah at-Taubah, 9: 88), golongan tentera/wali Allah SWT, golongan yang mengikut perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya (Surah al-Mujadalah, 58: 22); dapat mengalahkan sihir (Surah Taha, 20: 64), tidak bakhil (Surah al-Hashr, 59: 9; Surah at-Taghabun, 64: 16), sentiasa bertaubat dan membersihkan diri serta jiwanya (Surah al-‘Ala, 87: 14; Surah as-Syams, 91: 9), mendapat petunjuk dan cahaya (Surah Lukman, 31: 5) dan mencari keredhaan Allah SWT (Surah Ar-Rum, 30: 38).

Kejayaan seseorang mukmin dinukilkan dalam Surah al-Mukminun ayat 1-11, yang menggaris penting bahawa golongan yang berjaya adalah mereka yang beriman (*al-mukminun*). Terdapat tujuh ciri penting golongan yang berjaya dalam al-Qur’an;

1. Yang khusuk dalam solatnya.
2. Yang meninggalkan perkara yang sia-sia (*lagha*) dan maksiat. Wahbah Zuhaili (2005) menjelaskan bahawa golongan yang berjaya adalah mereka yang meninggalkan perkara yang ditegah oleh agama (haram) dan perkara yang makruh.

3. Yang menunaikan ibadah zakat. Hadith Nabi SAW menyatakan tangan yang di atas adalah lebih baik daripada yang di bawah.
4. Yang menjaga maruah – menjaga kemaluan daripada melakukan zina, maksiat kecuali apa yang dibenarkan oleh syara’.
5. Yang menjaga amanah sebagai khalifah.
6. Yang menyempurnakan sumpah dengan menunaikan hak dan tanggungjawab tanpa menzaliminya.
7. Yang menjaga solatnya dengan menunaikannya di awal waktu.

Tema lain yang didapati daripada kajian Mashitah et., al. (2018) ini ialah motivasi al-Quran tentang cara-cara atau tips untuk mendapatkan *al-Falah* dalam kehidupan iaitu dengan melaksanakan perintah Allah SWT. Berdasarkan kajian ini, antara tips untuk mendapat *al-Falah* adalah dengan menjadi seorang yang bertakwa (Surah Al-Baqarah, 2: 189; Surah al-Maidah, 5:100), bersabar (Surah Ali-Imran, 3: 200), menjauhi perkara-perkara buruk, sentiasa mengingati Allah SWT (Surah al-Anfal, 8: 45) dan mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT (Surah al-‘Araf, 7:69; Surah al-Jumu’ah, 62: 10). Mereka yang ingin mendapat *al-Falah* haruslah tunduk kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan dengan menunaikan solat (Surah al-Hajj, 22: 77), bertaubat (Surah An-Nur, 24:31; Surah al-Qasas, 28:67) dan sentiasa melakukan kebaikan. Tips untuk mendapat *al-Falah* yang seterusnya adalah dengan berjihad pada jalan Allah SWT, sentiasa berwaspada dalam perjuangan yang dilakukan dan tetap di jalan Allah SWT ketika perang (Surah al-Maidah, 5: 35).

Dalam masa yang sama, Allah SWT turut menjanjikan ganjaran sebagai motivasi untuk golongan mukmin yang melaksanakan perintah Allah SWT, iaitu di dalam bentuk bantuan dan kemenangan sebagaimana firmanNya:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ
وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾

“Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada; pada hal Allah SWT menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka); dan Allah SWT adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

(Surah al-Fath, 48: 4)

Kajian oleh Mashitah et., al. (2018) juga menemui motivasi al-Quran tentang cara-cara atau tips untuk mendapatkan *al-Falah* dalam kehidupan, iaitu dengan meninggalkan larangan Allah SWT. Antara tips untuk menjadi individu yang *al-Falah* adalah dengan tidak mengambil riba (Surah al-Imran, 3: 130) dan meminum minuman yang memabukkan (Surah al-Maidah, 5: 90).

Dapatan kajian Model Kecemerlangan Pemikiran al-Falah dari akal budi golongan profesional dan korprat Melayu ini selari dengan rumusan kajian oleh Ahmad Marzuki Mohamad (2013) yang menjelaskan peranan Islam meletakkan matlamat kepimpinan itu juga mestilah memenuhi maksud *al-Falah*, iaitu kejayaan di dunia dan akhirat sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran (surah al-Qasas 28:77). Pengabaian salah satu daripada maksud *al-Falah* merupakan satu penyimpangan pada hakikat dan falsafah kepimpinan Islam (Ahmad Marzuki Mohamad, 2013: 6).

Kajian Model Kecemerlangan Pemikiran al-Falah ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman dan penghayatan konsep *al-Falah* oleh umat Islam di Malaysia menurut konteks yang bertepatan dengan

maksudnya yang terkandung di dalam al-Quran dan tuntutan syariat Islam. Hasil kajian ini diharap dapat memahami konsep *al-Falah* seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan tafsirannya menurut ulama' tafsir. Bertepatan dengan maksud inti pati istilah *al-falah* yang dinukilkan oleh Zanatul Shima (2018), iaitu:

“Al-falāh represents far-reaching success that encompasses a more holistic dimension through endeavours that aim to achieve everlasting prosperity and blessings. Achieving al-falāh means that man has lived up to God’s trust placed upon him by performing his ‘ibādah (worship) while obeying all the laws of the shari’ah (Islamic law). This is where man has overcome his weaknesses in the service of Allah (S.W.T.) through righteous amal (deeds), via his obligation as fardh kifayah (communal obligation).”

Dapatan inti pati makna *al-falah* oleh golongan profesional dan korporat Melayu Muslim dalam kajian ini juga selari dengan dapatan penemuan 17 Indikator Kebahagiaan (*Al-Sa’adah*) dalam Perspektif Al-Quran dan Hadis yang dicerap oleh Nanum Sofia dan Endah Puspita Sari pada tahun 2018. Kajian *as-saadah* oleh Nanum Sofia dan Endah Puspita (2018) mendapati bahawa terdapat 164 ayat dari 122 surat Al Quran dan 24 dalil hadis yang penepati maksud *al-saadah*. Berdasarkan penelitian terhadap dalil dan ayat berkaitan kebahagiaan (*al-sa’adah*), kajian tersebut menemukan 17 indikator kebahagiaan menurut Al Quran dan Hadis, iaitu iman dan takwa (50 ayat), berpegang teguh pada agama (*tafaqquh fi al-dien*) (2 ayat), berbuat baik (*amal saleh*) (23 ayat), sabar (*al-shabr*) (7 ayat), syukur (*al-syukr*) (7 ayat), penyucian jiwa (*tazkiyatun al-nafs*) (2 ayat), menyeru pada kebaikan dan melarang kemungkaran/perbuatan buruk (*amar ma’ruf nahi munkar*) (3 ayat), berjuang di jalan Allah (*al-jihad fi sabilillah*) (5 ayat), mencari dan mendapat redha Allah SWT (10 ayat), mengingat Allah (*al-dzikir*) (3 ayat), mendapat karunia/rahmat Allah (28 ayat), memperbaiki diri (*al-ishlah*) (7 ayat), memberi teladan (*uswah hasanah*) (2 ayat), mencari perlindungan Allah SWT (2 ayat), berserah diri (3 ayat), menolak kejahatan dengan kebaikan (3 ayat) serta menjaga lisan dan perbuatan (5 ayat).

Dapatan kajian ini juga selari dengan pandangan Mastrangelo et.al., (2004) bahawa sifat daya kepimpinan personal dan profesional adalah penting dalam menentukan kejayaan seorang pemimpin dan organisasi yang diterajunya. Model kepimpinan profesional dan personal Mastrangelo et.al., (2004) mendapati aspek ini memberi kesan terhadap kesediaan seseorang pemimpin untuk bekerjasama dalam kepimpinan organisasi.

Hasil dapatan daripada sesi temuramah dan eksplorasi elemen pemikiran *al-Falah* daripada tokoh profesional dan korprat di Malaysia merupakan suatu peluang dan pelamaan yang berharga kerana perkongsian pemikiran kejayaan dan kecemerlangan berteraskan Islam ini dapat menjadi inspirasi kepada masyarakat Malaysia umumnya. Kajian ini mengutarakan Model Kecemerlangan Pemikiran *al-Falah* golongan profesional dan korporat Melayu Malaysia yang menggambarkan impak difusi pemikiran Islam yang menjadi teras dan pasak kepada akal budi masyarakat Melayu kontemporari. Model Kecemerlangan *al-Falah* atau “*the Excellent Model of al-Falah*” dalam pemikiran golongan ini boleh menjadi satu landasan yang baik dan motivasi yang tinggi dalam pembinaan Modul Kecemerlangan *al-falah* dalam pelbagai peringkat lapisan masyarakat Islam. Penekanan aspek psiko-spiritual, religiositi dan motivasi Islam, dalam Modul Kecemerlangan *al-Falah* dengan ditindikkan secara bersama elemen pendidikan, kepimpinan, psikologi, sosial, komunikasi, ekonomi dan politik untuk melahirkan generasi Muslim yang holistik, berkarisma dan kompeten.

KESIMPULAN

Pemikiran, tindakan dan motivasi yang jelas merupakan kunci penting untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang sebenar bagi seorang Muslim sebagaimana dituntut dalam intipati *al-Falah*, iaitu kejayaan di dunia yang membawa kepada kebahagiaan hidup di akhirat. Bentuk motivasi yang disampaikan oleh pemikiran golongan profesional dan korprat Melayu Muslim ini selaras dengan saranan al-Quran melalui istilah *al-Falah*. Model Kecemerlangan *al-Falah* ini tidak hanya boleh diaplikasikan dalam bidang psikologi

dan kaunseling Islam, malahan memberi inspirasi dan indikator utama bagi memastikan kejayaan dalam eritikata yang sebenar di dunia dan akhirat dalam bidang pembangunan insan dan sumber manusia, kepimpinan, ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan agama. Istilah *al-Falah* ini memberi motivasi, inspirasi dan pemangkin kejayaan hidup Muslim di samping mencapai ketenangan, kedamaian serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di atas geran *Regional Cluster for Research and Publication (RCRP)* dengan kod penyelidikan USIM/UKM/RCRP/FKP/052002/71117 yang dijalankan antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sekalung penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas tajaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (1996). Social Transformation, the State and the Middle Classes in Post-Independence Malaysia. *Journal Japanese Journal of Southeast Asian Studies*. 34(3), 524-547, Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University.
- Abdul Rahman Embong. (2002a) The Making of the New Malay Middle Class. In: *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. International Political Economy Series. Palgrave Macmillan, London. https://doi.org/10.1057/9781403914286_4.
- Abdul Rahman Embong. (2002b). *State-Led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Abdul Rahman Embong. (2018). Ethnicity and Class: Divides and Dissent in Malaysian Studies. In “Divides and Dissent: Malaysian Politics 60 Years after Merdeka,” edited by Khoo Boo Teik, special issue, *Southeast Asian Studies*, 7(3), December 2018, pp. 281-307
- Affifudin Omar. (1996). Usaha wanita dalam konteks Rancangan Malaysia Ketujuh. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Wanita: Kerjaya Keusahawanan dan Keluarga, Kuala Lumpur, pada 3-4 Disember 1996.
- Al-Anbari, Muhammad. (1992). *Al-Zahir fi Ma'ani Kalimat al-Nas*. Hatim Salih al-Damin (Ed.). Jld. 1-2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Azdi, 'Ali. (1988). *Al-Munjid fi al-Lughah*. Ahmad Mukhtar 'Umar & Dahi 'Abd al-Baqi (Ed.). Al-Qahirah: 'Alam al-Kutub.
- Al-Baqi, M. F. (1364). *Mu'ajam Mufahras Li Alfaz Al-Quran*. Cairo: Maktabah Dar AlKutub Al-Misriah.
- Al-Bukhari. (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Dinuri, 'Abdullah Muslim. (1976). *Gharib al-Hadith*. 'Abdullah al-Jaburi (Ed.). Jld. 1-3. Baghdad, Iraq: Matba'ah al-'Ani.
- Al-Firahidi, Al-Khalil. (1985). *Kitab al-'Ain*. Mahdi Al-Makhzum & Ibrahim Al-Samira'i (Ed.). Baghdad: Dar wa Maktabah al-Hilal.
- AnisatulFikriyah Aprilianti. (2017). Karakteristik Orang-Orang yang Meraih Al-Falah dalam Al-Quran: Studi Perbandingan Tafsir al-Maraghi karya Mustafa al-Maraghi dan Tafsir Fi Zilal al-Quran karya Sayyid Qutb. Tesis MA. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. (2012). Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan (Critical Success Factors among Entrepreneurs in Business). *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), April Special-2012, 34-45. ISSN: 1823-884x.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101. doi:10.1191/1478088706qp063oa.

- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA Handbook of Research Methods in Psychology*, vol. 2: Research Designs: Quantitative, Qualitative, Neuropsychological, and Biological (pp. 57–71). Washington, DC: American Psychological Association.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. London: Sage.
- Clarke, Victoria & Braun, Virginia. (2017). Thematic Analysis, *The Journal of Positive Psychology*, 12:3, 297-298, DOI: 10.1080/17439760.2016.1262613. <http://dx.doi.org/10.1080/17439760.2016.1262613>.
- Crow, Graham., and Wiles, Rose. (n.d). Managing anonymity and confidentiality in social research: the case of visual data in Community research ESRC National Centre for Research Methods NCRM Working Paper Series 8/08.
- Faradillah Iqmar Omar & Samsudin A. Rahim. (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam pemerksaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31 (1), 241-256.
- Faradillah Iqmar Omar & Samsudin A. Rahim. (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam pemerksaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31 (1), 241-256.
- Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim (2016). Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Dalam Talian: Suatu Tinjauan Awal. 4th Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Science Conference, Hotel Putra, Kuala Lumpur, July 2016.
- Ibn Kathir, M. A. (2011). *Tafsir Ibn Katsir* (Abdul Ghoffar & Abu Ihsan, terj.). Jakarta: Pustaka Imam Syafie.
- Ibn Manzur. (n.d.). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Sodr. Jalalain. (n.d.). *Tafsir Al-Jalalain*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Falah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 29-30). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Sumber Manusia. (2013). *MASCO 2013: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2013*. Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia.
- Khairuddin Khalil. (1996). *Keusahawan Sebagai Kerjaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Kerja Secara Jemaah Memperksa Kemajuan Ummah”. *Berita Harian*, 24 November 2008.
- “Kerja Secara Jemaah Memperksa Kemajuan Ummah”. Portal Rasmi E-Syariah. (3 Disember 2008). <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arkib/Portal%20E-Syariah%20Arkib%202008/Disember/Portal%20E-Syariah%20Komuniti%20Islam%2023122008>.
- Le Roux, Cheryl S. (2012). Confidentiality and Anonymity In Oral History Research: The Question of Empowerment, Autonomy and Beneficence. XVII International Oral History Conference: Buenos Aires 2012. 1-27.
- Maguire, Moira & Delahunt, Brid., (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *All Ireland Journal Teaching and Learning in Higher Education* (AISHE-J), Volume 8, Number 3 (Autumn 2017) 3351-33514.
- Mashitah Sulaiman, Suhailiza Md. Hamdani, Robiatul Adawiyah Mohd@ Amat, Khatijah Othman, Marina Munira Abdul Mutalib & Roslizawati Mohd Ramly. (2018). Manifestasi Al-Falah dalam Al-Quran melalui Analisis Kandungan Berdasarkan Tafsir Jalalain dan At-Tabari. Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya 2018. Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Anjuran Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, 14 & 15 Disember 2018, 441-471.
- Mashitah Sulaiman, Suhailiza Md. Hamdani, Robiatul Adawiyah Mohd@ Amat (2018). Motivasi Dalam Islam Ke Arah Kecemerlangan: Analisis Manifestasi *Al-Falah* Dalam Al-Quran Sebagai Pemangkin Kejayaan Hidup Muslim. Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya 2018. Pusat Kaunseling, Universiti

- Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Anjuran Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, 14 & 15 Disember 2018, 441-471.
- Mastrangelo, Angelo., Eddy, Erik R., and Lorenzet, Steven J. (2004). The Importance of Personal and Professional Leadership. *Leadership & Organization Development Journal*. July 2004. 1-33.
- Mohd Azraai Kassim. (11 Disember 2019). “Gerak Gempur “Cipta” Profesional Melayu”, *Berita Harian*.
- Mohd Naim Abd Karim, Mohd Fadzli Che Rus, Hairunnizam Wahid. (2019). “Faktor Penentu Kejayaan Perniagaan dalam Kalangan Usahawan Orang Asli: Kajian Perbandingan antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan”, (Determinant Factors of Business Success among Orang Asli Entrepreneurs: Comparative Study of Selangor and Negeri Sembilan). Prosiding PERKEM 12, (2017), 1002 – 1013. ISSN: 2231-962X Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-12 (PERKEM 12), Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Selangor, 12 - 13 September 2017, Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir bin Masroom, Siti Norlina bt Muhammad dan Siti Aisyah bt Panatik @ Abd Rahman. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13) yang berlangsung pada 17 & 18 Sept. 2013 bertempat di Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru.
- Muhamad Asri Abd Ghani dan Zaimah Darawi. (2012). Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru (Transformation and Business Performance of Malay Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises in Johor). Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak 4 –6 Jun 2012. 696 -708. ISSN: 2231 –962X.
- Muslim, A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Thurath Al-Araby.
- Mustafa, A. R. (2009). *Hadis Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Nanum Sofia dan Endah Puspita Sari. (2018). Indikator Kebahagiaan (Al-Sa’adah) dalam Perspektif Al Quran dan Hadis. *Psikologika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 23(2), Julai 2018, 91-108.
- Nor Hayati Sa’at. (2004). Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio-Budaya (The Malay Professionals in Terengganu: A Study of Sosio-Culture). *Akademika*, 64 (Januari) 2004: 133 – 142.
- Norhayati Ab. Rahman. (2010). Imej Wanita Korporat Dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden Malaysia: Daripada Lensa Pengarang Wanita. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 21, 2010, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. 196-211.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawanga, Nor Hayati Sa’at, Sabri Ahmad, Ibrahim Mama. (2016). Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara Antara Faktor-Faktor Peramal dan Kecenderungan Pelajar Menceburi Kerjaya Keusahawanan. *Sains Humanika*. 8(1), 23–29.
- Zanatul Shima Aminuddin, Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Muhammad Khairi Mahyuddin & Salmah Sathiman. (2016). Exploring the Concept of al-Falāḥ (Success) In Business: An Insight from Muslim Experts. *BEST: International Journal of Management, Information Technology and Engineering (BEST: IJMITE)*, 4(8), 23-36.
- Zalika Adam & Faridah Kassim. (t. thn.). Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan dari Perspektif Islam. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. http://irep.iium.edu.my/7989/1/KEMAHIRAN_KERJA_BERPASUKAN.pdf.

Temubual

- Dato’ Dr. Hj. Mohd Fadzilah bin Kamsah. (23 Mei 2018). Pejabat DMFK Inspirations Sdn. Bhd., No. 63, Jalan 7/7C, Seksyen 7, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Dato’ Dr. Mohamed Razali bin Dato’ Mohamed Yusoff. (2 Julai 2018). Pengerusi dan Pengarah Urusan Nusantara Technologies Sdn Bhd. No. 5, Jalan Anggerik Mokara 31/45, Seksyen 31, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Datuk Abdul Latiff Mirasa. (10 September 2019). Pengerusi Yayasan Restu, 2A, Persiaran Damai, Seksyen 10, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar. (10gos 2019). Pengasas & Pengerusi Amanie Group, Amanie Academy Sdn. Bhd., 28.1, Level 28, Premium SOHO Binjai 8, Lorong Binjai Off Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur.

Dr. Shafie Abu Bakar. (31 Mei 2018). No. 8, Jalan ¼, 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan.

Prof Dato' Ir. Dr. Wan Ramli bin Wan Daud. (6 Julai 2018). Profesor, Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Prof Datuk Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim. (7 Jun 2018). Pejabat Pentadbiran ACREDA, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar. Timbalan Pengarah. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak. (27 Julai 2018). Rektor, Universiti Islam Malaysia. Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia. Pejabat Pentadbiran Canselori, Aras 4, Bangunan Canselori Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Prof. Dato' Hj. Mohd. Yusuf Othman. (14 Ogos 2018). Mantan Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan. (1 Jun 2018). International Institute of Islamic Civilization & Malay World (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, No. 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Taman Duta, 50480 Kuala Lumpur.

Prof. Dr. Zainur Rashid bin Zainuddin. (6 Jun 2018). International Medical University Clinical Campus, Jalan Rasah, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.

Puan Hajjah Faiza Bawumi Sayed Ahmad. (20 Ogos 2019). Pengasas, Syarikat Faiza Sdn. Bhd., PLO 442, Jalan Wawasan 16, Kawasan Perindustrian Sri Gading 2, 83300 Batu Pahat, Johor Darul Takzim.

YB. Senator Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri. (12 Julai 2019). Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.